

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 APRIL 2016

Taktik Tun M sudah tak relevan

BH- 22/4/2016

Kuala Nerus: Pengaruh dan taktik yang digunakan Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dianggap sudah tidak relevan.

Ketua Pengarah JASA, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata walaupun segala fitnah yang dilemparkan Dr Mahathir kepada Najib sudah terbukti tidak benar, beliau yakin bekas Perdana Menteri itu tidak akan memohon maaf.

“Dr Mahathir tidak akan memohon maaf kepada Najib berkaitan isu 1MDB dan laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang sudah didedahkan isu sebenarnya.

Terbukti tidak bersalah

“Beliau sendiri tahu ia adalah dakwaan palsu dan tidak sah sejak dari awal lagi. Sebelum ini, Dr Mahathir mengaitkan Najib dengan dana RM4.2 bilion yang dikatakan hilang tetapi hasil siasatan PAC mendapati Najib memang terbukti



Mohd Puad (empat dari kiri) bersama Ahmad Razif (tiga dari kanan) **beramah mesra** dengan penerima sijil pelantikan pada Majlis Pelancaran JASA Connectivity di Gong Badak. [FOTO ASWADI ALIAS/BH]

tidak bersalah.

“Begitu juga dengan isu RM2.6 bilion apabila Menteri Luar Arab Saudi mengesahkan wang berkenaan adalah dana politik. Dr Mahathir perlu menerima kenyataan dia gagal menjatuhkan Perdana Menteri,” katanya kepada Media selepas Majlis Pelancaran JASA Connectivity yang disempur-

nakan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman di Gong Badak, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Kerajaan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, A Latiff Awang dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Terengganu, Adli Kesah.

Selain itu, katanya, ahli UM-

NO berterima kasih kepada Dr Mahathir apabila bekas Presiden UMNO itu bertindak keluar parti, ekonomi negara bertambah baik.

Mohd Puad berkata, Dr Mahathir perlu sedar pengaruhnya sudah lama hilang kerana program yang dianjurkan atas namanya tidak lagi mendapat sokongan ahli UMNO.